

Lambakan jawatan kosong tampung kes hilang kerja

Jumlah kekosongan jawatan yang tinggi dijangka terus menampakan peningkatan pemberhentian pekerja serta menyokong daya tahan pasaran buruh, demikian menurut Kenanga Investment Bank (Kenanga IB).

Bank pelaburan itu berkata, data MYFutureJobs Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menunjukkan kes kehilangan pekerjaan (LOE) meningkat kepada 9,013 kes pada Julai berbanding 8,100 kes pada Jun, dengan sebanyak 2,746 kes telah direkodkan pada bulan ini setakat 10 Ogos.

Ia berkata, pelaksanaan Skim Pemisahan Bersama (MSS) dan Skim Pemisahan Sukarela (VSS) serta proses penstrukturan semula korporat yang sedang berlangsung menjadi antara faktor yang mendorong peningkatan pemberhentian pekerja.

Katanya, sektor pembuatan mencatatkan bahagian terbesar pemberhentian pekerja, iaitu 19

peratus, diikuti sektor perdagangan borong dan runcit sebanyak 18 peratus.

“Bagaimanapun, permintaan terhadap tenaga buruh kekal kukuh, dengan jumlah kekosongan jawatan aktif meningkat kepada 242,434 pada akhir Julai, berbanding 103,394 pada Jun. Namun, penempatan pekerjaan berkurangan kepada 15,392 berbanding 16,620 pada Jun,” katanya dalam satu nota penyelidikan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) baru-baru ini melaporkan bahawa kadar pengangguran Malaysia kekal rendah 3.0 peratus pada Jun 2026, namun bilangan penganggur meningkat 0.9 peratus kepada 517,800 orang daripada 513,400 orang pada Mei.

Bagaimanapun, pasaran buruh negara terus menunjukkan momentum positif disokong ekonomi domestik yang kekal berdaya tahan serta peningkatan guna tenaga berterusan.

Bilangan penduduk bekerja meningkat secara marginal 0.01 peratus kepada 16.83 juta orang pada Jun, berbanding 16.82 juta orang pada bulan sebelumnya.

Mengulas perkembangan itu, Kenanga IB berkata, keadaan pasaran buruh kekal secara umumnya stabil pada Jun meskipun ketidaktentuan geopolitik berterusan.

“Pengambilan pekerja dijangka terus disokong permintaan domestik yang berdaya tahan, peningkatan aliran pelancong susulan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026, aktiviti berkaitan Formula 1 di Sepang serta kitaran peningkatan global dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) sedang berlangsung,” katanya.

Apex Securities dalam satu nota penyelidikan berasingan pula berkata, ia kekal positif terhadap prospek pasaran buruh, dengan penciptaan pekerjaan disokong oleh kekuatan berterusan

ekonomi domestik.

Katanya, sektor perkhidmatan, yang menyumbang hampir dua pertiga daripada jumlah guna tenaga dijangka kekal sebagai pemacu utama momentum pengambilan pekerja, disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang kukuh serta sokongan dasar berterusan terhadap penggunaan.

Sementara itu, ia berkata guna tenaga dalam sektor pembuatan, khususnya segmen elektrik dan elektronik (E&E), dijangka terus mendapat manfaat daripada permintaan semikonduktor global yang berterusan susulan kitaran peningkatan berkaitan kecerdasan buatan (AI).

Menurutnya, segmen E&E menyumbang kira-kira 27 peratus daripada output sektor pembuatan domestik. Dalam jangka panjang, pelaburan berterusan dalam pusat data dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara lebih meluas dijangka te-

rus meningkatkan permintaan terhadap tenaga kerja berkemahiran tinggi, sekali gus menyokong pertumbuhan gaji sektor swasta.

“Walaupun prospek pasaran buruh dalam jangka terdekat kekal secara umumnya tidak berubah, kami menyedari adanya penyederhanaan momentum pengambilan pekerja baru-baru ini, khususnya apabila ketegangan berpanjangan di Asia Barat meningkatkan ketidaktentuan perniagaan serta kos operasi.

“Indeks Pengurus Pembelian (PMI) sektor pembuatan Malaysia terkini bagi Julai menunjukkan bahawa syarikat telah mengurangkan jumlah tenaga kerja.

“Selain faktor peletakan jawatan dan pemberhentian pekerja, pengeluar turut menyatakan bahawa usaha mengurangkan jumlah kakitangan bagi menurunkan kos operasi menjadi antara faktor yang mendorong pengurangan tenaga kerja,” katanya.